

89 pelajar baharu terima bantuan kebajikan

► Bukti UMS komited jaga kebajikan pelajar kurang berkemampuan



DARI KAMPUS

UB 15.9.2016 A7
Oleh ABD NADDIN
HJ. SHAIDDIN

SERAMAI 89 pelajar baharu Universiti Malaysia Sabah (UMS) sesi 2016/2017 menerima bantuan kebajikan dalam satu majlis yang disempurnakan oleh Datuk

Seri Panglima Toh Puan Norlidah Datuk RM Jasni selaku Penaung Yayasan Nur Jauhar.

Pelajar-pelajar baharu itu adalah bagi kategori ibu bapa B40 atau di bawah Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK).

Naib Canselor UMS, Prof Datuk Dr Harun Abdullah berkata dengan pemberian bantuan berkenaan membuktikan bahawa UMS komited dalam memastikan kebajikan pelajar kurang berkemampuan atau memerlukan di universiti itu sentiasa terjamin.

Beliau berharap bantuan itu dapat menampung perbelanjaan harian pelajar sementara menunggu pinjaman atau biasiswa pengajian.



PELAJAR baharu UMS sesi 2016/2017 yang menerima bantuan.



NORLIDAH menyampaikan bantuan kepada pelajar baharu di majlis itu.



HARUN bersalaman dengan Norlidah sebaik tiba di majlis itu.

30 sertai kayuhan Hari Kebangsaan

UB 15.9.2016 A7

30 pelajar Universiti Malaysia Sabah (UMS) menyertai Kayuhan Hari Kebangsaan 2016 Peringkat Negeri Sabah.

Program anjuran Kerajaan Negeri Sabah dan Biro Tatanegara (BTN) Negeri Sabah dengan kerjasama Dewan Bandaraya Kota Kinabalu, Sabah berlangsung di Padang Merdeka manakala pelepasannya disempurnakan oleh Ketua Menteri Sabah, Datuk Seri Panglima Musa Haji Aman.

Program ini diadakan sebagai salah satu program Sambutan Hari Kebangsaan Peringkat Negeri Sabah. Penganjuran acara ini adalah sebagai usaha menyemarakkan semangat patriotisme dalam kalangan masyarakat khususnya di Negeri Sabah.

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni), UMS, Prof Madya Dr Ismail Ali berkata semangat patriotisme dan cintakan Negara harus dipupuk dalam diri pelajar sejak mereka berada di bangku sekolah lagi.

"Jika bukan anak muda kita, siapa lagi harapan kita untuk cintakan tanahair kita ini," katanya.

Turut hadir sama ialah Menteri Pembangunan Masyarakat dan Hal Ehwal Pengguna Sabah, Datuk Hajah Jainap DSP Haji Ahmad



ISMAIL dan Armizan bersama sebahagian peserta program itu.

Ayid, Pembantu Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan Sabah, Datuk Dr. Joachim Gunsalam, Setiausaha Persekutuan Sabah, Datuk Borhan Dollah, Pengarah INTAN Sabah, Samsul

Dollah, Pengarah Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik, BTN bagi mewakili Pengurusan Tertinggi BTN, Puan Siti Mariam Abdul dan Pengarah BTN Sabah, Dato' Armizan Mohd Ali.



MUSA, Armizan, Jainap bersama tetamu kehormat lain dan para peserta Kayuhan Hari Kebangsaan 2016.